

TAHAP KONSEP KENDIRI MEMBACA PELAJAR TINGKATAN EMPAT YANG
MENGIKUTI PROGRAM NILAM

GIAM LEE HUI

DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)

FAKULTI PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2015

ABSTRAK

Tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti tahap Konsep Kendiri Membaca yang mencakupi aspek sikap, minat dan kepuasan membaca pelajar yang mengikuti Program Nadi Ilmu Amalan Membaca (NILAM). Di samping itu juga objektif kajian adalah untuk mengenal pasti status pelaksanaan Program NILAM di sekolah-sekolah kajian serta perbezaan Konsep Kendiri Membaca dikenal pasti berdasarkan demografi pelajar iaitu jantina dan pendapatan bulanan keluarga. Kaedah tinjauan dijalankan dengan menggunakan senarai semak dan Soal Selidik Konsep Kendiri Membaca kepada 367 orang pelajar Tingkatan Empat yang dipilih secara persampelan rawak di sekolah-sekolah Kuala Muda Yan, Kedah. Data dianalisis dengan menggunakan analisis statistik Ujian t dan ANOVA. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa Konsep Kendiri Membaca pelajar adalah berada pada tahap sederhana. Kajian ini menemui bahawa terdapat perbezaan min Konsep Kendiri Membaca yang signifikan antara pelajar lelaki dengan pelajar perempuan di mana pelajar perempuan menunjukkan Konsep Kendiri Membaca yang lebih tinggi berbanding dengan pelajar lelaki. Namun, tidak terdapat perbezaan min Konsep Kendiri Membaca yang signifikan dalam kalangan pelajar yang mengikuti Program NILAM berdasarkan pendapatan bulanan keluarga. Kajian ini memberi implikasi kepada Konsep Kendiri Membaca dari segi sikap, minat dan kepuasan membaca pelajar yang mengikuti Program NILAM. Kesimpulannya, pemupukan dan pemantapan Konsep Kendiri Membaca pelajar melalui Program NILAM perlu diteruskan memandangkan Konsep Kendiri Membaca boleh dibentuk dan dipertingkatkan.

THE LEVEL OF READING SELF-CONCEPT AMONG FORM FOUR STUDENTS WHO PARTICIPATED IN THE NILAM PROGRAMME

ABSTRACT

The main purpose of this research is to identify the level of Reading Self-Concept among form four students who participated in the NILAM Programme. The objectives of this research are to identify the status of implementation of NILAM Programme in secondary schools and to identify the differences of students' Reading Self-Concept according to gender and family monthly income. A survey was conducted using checklist and Reading Self-Concept Questionnaires. Respondents consisted of 367 Form Four students in Kuala Muda Yan, Kedah who were selected based on random sampling. Data collected were analyzed using inferential statistics involving t-test and ANOVA. The findings of this study show that the level of students' Reading Self-Concept is moderate. There is a significant difference of mean scores between gender in Reading Self-Concept in which girls show higher Reading Self-Concept than boys. However, there is no significant difference of Reading Self-Concept among students who participated in the NILAM Programme based on family monthly income. This study also provides implication in terms of students' reading attitude, interest and satisfaction as a result of participating in the NILAM Programme. In conclusion, nurturing students' Reading Self-Concept through NILAM Programme should be continued in order to strengthen the Reading Self-Concept among students.

KANDUNGAN**Muka Surat**

PENGHARGAAN	iii
-------------	-----

ABSTRAK	iv
---------	----

ABSTRACT	v
----------	---

KANDUNGAN	vi
-----------	----

SENARAI JADUAL	xiii
----------------	------

SENARAI RAJAH	xiv
---------------	-----

SENARAI SINGKATAN	xv
-------------------	----

BAB 1 PENGENALAN

1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang	3
1.3 Pernyataan Masalah	6
1.4 Objektif Kajian	10
1.5 Soalan Kajian	11
1.6 Hipotesis Kajian	12

1.7	Kerangka Konsep Kajian	12
1.8	Signifikan Kajian	15
1.9	Definisi Operasional	16
1.9.1	Program NILAM	16
1.9.2	Konsep Kendiri Membaca	17
1.9.2.1	Sikap	17
1.9.2.2	Minat	18
1.9.2.3	Kepuasan	18
1.9.3	Demografi Pelajar	19
1.10	Batasan Kajian	19
1.11	Kesimpulan	20

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pendahuluan	21
2.2	Tabiat Membaca	22
2.3	Program Membaca	24
2.4	Latar Konsep Kendiri	27

2.5	Teori Konsep Kendiri	30
2.6	Model Konsep Kendiri	31
2.7	Model-model Penilaian	34
2.7.1	Model Tyler	34
2.7.2	Model <i>Discrepancy</i>	36
2.7.3	Model CIPP	37
2.8	Kajian Lepas Yang Berkaitan	39
2.8.1	Kajian Membaca	39
2.8.2	Kajian Konsep Kendiri Di Luar Negara	44
2.8.3	Kajian Konsep Kendiri Di Malaysia	45
2.9	Kesimpulan	48

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	49
3.2	Reka Bentuk Penyelidikan	50
3.2.1	Kerangka Konseptual Konsep Kendiri Membaca	50
3.2.1.1	Model CIPP	51

3.2.1.2 Model Konsep Kendiri	52
3.2.1.3 Demografi Pelajar	53
3.2.1.4 Program NILAM	54
3.2.1.5 Konsep Kendiri Membaca	54
3.2.2 Populasi dan Sampel Kajian	56
3.2.3 Saiz Sampel Berkesan	57
3.3 Instrumen Kajian	58
3.4 Kesahan Kajian	62
3.5 Kajian Rintis	64
3.5.1 Kebolehpercayaan dan Analisis Item	65
3.6 Prosedur Mengumpul Data	67
3.7 Prosedur Menganalisis Data	68
3.8 Analisis Data Pemboleh ubah	69
3.9 Kesimpulan	72

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pendahuluan	73
4.2	Data-data Deskriptif	75
4.2.1	Profil Responden Kajian	75
4.2.2	Status Pelaksanaan Pelajar dalam Program	77

NILAM

4.3	Analisis Inferensi Kajian	84
4.3.1	Hipotesis Nol bagi Soalan Kajian 6	85
4.4	Rumusan	89

BAB 5 RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN

5.1	Pendahuluan	90
5.2	Ringkasan Dapatan Kajian	94
5.2.1	Profil Responden	94
5.2.2	Status Pelaksanaan Program NILAM	95
5.2.3	Tahap Sikap Membaca, Minat Membaca dan Kepuasan Membaca	95

dan Kepuasan Membaca

5.2.4	Perbandingan Antara Pelajar Lelaki Dengan Pelajar Perempuan terhadap Konsep Kendiri Membaca	96
5.2.5	Perbandingan Tahap yang Signifikan bagi Kategori Pendapatan Bulanan Keluarga Responden terhadap Konsep Kendiri Membaca	97
5.3	Perbincangan	98
5.3.1	Status Pelaksanaan Program NILAM	98
5.3.2	Tahap Konsep Kendiri Menbaca Pelajar yang Mengikuti Program NILAM	100
5.3.3	Perbezaan Antara Jantina Pelajar dengan Konsep Kendiri Membaca	104
5.3.4	Perbezaan Antara Pendapatan Bulanan Keluarga Pelajar dengan Konsep Kendiri Membaca	106
5.4	Implikasi Kajian	107
5.5	Cadangan Kajian Lanjutan	108
5.6	Kesimpulan	110

RUJUKAN

111

LAMPIRAN

A	JADUAL PENENTUAN ITEM	118
B	INSTRUMEN KAJIAN KONSEP KENDIRI	121
MEMBACA		
C	ANALISIS SPSS KEBOLEHPERCAYAAN KAJIAN	132
D	ANALISIS SPSS DAPATAN KAJIAN	136
E	SURAT KEBENARAN EPRD	143

SENARAI JADUAL

Jadual	Muka surat
3.1 Soal Selidik Konsep Kendiri Membaca	60
3.2 Garis Panduan bagi Skor Min Tahap Pemboleh ubah	61
3.3 Kesahan Item Kajian	63
3.4 Nilai Kebolehpercayaan Mengikut Item dan Gagasan	66
3.5 Garis Panduan atau <i>Cut-off point</i> bagi Skor Min	70
3.6 Garis Panduan Skor Min Pemboleh ubah Kajian	71
4.1 Taburan Responden Mengikut Jantina	75
4.2 Taburan Responden Mengikut Pendapatan Bulanan Keluarga	76
4.3 Status Pelaksanaan Program NILAM	78
4.4 Skor Min dan Sisihan Piawai bagi Subskala Sikap Membaca	80
4.5 Skor Min dan Sisihan Piawai bagi Subskala Minat Membaca	81
4.6 Skor Min dan Sisihan Piawai bagi Subskala Kepuasan Membaca	82
4.7 Skor Min dan Sisihan Piawai bagi Konsep Kendiri Membaca	83
4.8 Ujian-t Perbezaan Konsep Kendiri Membaca Berdasarkan Jantina Pelajar	86
4.9 Skor Min Konsep Kendiri Membaca Mengikut Pendapatan Bulanan Keluarga Responden	87
4.10 Ujian ANOVA Satu Hala Untuk Membandingkan Peratus Min Mengikut Pendapatan Bulanan Keluarga	88
5.1 Ringkasan Keputusan Ujian Hipotesis	97

SENARAI RAJAH**Rajah****Muka surat**

1.1	Kerangka Konsep Mengikut Pendekatan Model CIPP	13
2.1	Model Konsep Kendiri (Shavelson, Hubner dan Stanton, 1976)	32

SENARAI SINGKATAN

BTP	Bahagian Teknologi Pendidikan
JPN	Jabatan Pendidikan Negeri
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
MAS	Program Membaca Amalan Sihat
NILAM	Nadi Ilmu Amalan Membaca
OECD	Pertubuhan Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi
PISA	<i>Programme For International Student Assessment</i>
PPD KMY	Pejabat Pendidikan Daerah Kuala Muda/Yan
PSS	Pusat Sumber Sekolah
RP	Rakan Pembaca
SPSS	<i>Statistical Packages For The Social Sciences</i>
UPSI	Universiti Pendidikan Sultan Idris

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Malaysia merupakan negara membangun yang menunjukkan kesungguhannya dalam merealisasikan hasrat kerajaan melahirkan lebih ramai masyarakat intelektual dan celik huruf. Rakyat Malaysia perlu cukup matang bagi meneliti logik, kebenaran, bukti dan menentukan sendiri betul atau salah dalam membuat sesuatu tindakan atau keputusan. Pendidikan perlu dapat melahirkan generasi muda yang berfikiran kritis dan inovatif (Ambigapathy, 1997). Dalam perkembangan ini, sekolah-sekolah di Malaysia berperanan sebagai peneraju utama bagi membantu melahirkan pelajar yang berkemahiran tinggi untuk keperluan pembangunan, kemajuan serta transformasi dalam menjadikan Malaysia sebagai hab pendidikan dan negara maju menjelang 2020.

Melalui perutusan Menteri Pelajaran Malaysia dalam Laporan Awal Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 menyatakan bahawa Kementerian Pelajaran berusaha menyediakan peluang yang luas untuk generasi muda menguasai pelbagai bakat, keupayaan dan minat masing-masing (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2012b). Misi Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) adalah untuk membangun potensi individu melalui pendidikan berkualiti (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2012a). Sehubungan dengan itu, matlamat utama KPM adalah untuk menyediakan sumber tenaga manusia untuk keperluan kemajuan negara, di samping menekankan aspek-aspek pembentukan sahsiah. Adalah dijadikan harapan bahawa masyarakat Malaysia bukan sekadar berpengetahuan luas tetapi juga dapat memupuk pembentukan konsep kendiri membaca yang positif agar disegani di persada antarabangsa.

Sesungguhnya, terdapat banyak program pendidikan yang dilancarkan di sekolah. Program NILAM (Nadi Ilmu Amalan Membaca) ialah program yang khusus yakni memupuk tabiat membaca pelajar di sekolah-sekolah di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia. Program ini ialah program pendidikan peringkat kebangsaan yang berterusan. Semua murid diwajibkan untuk mengikuti program ini sepanjang tahun sehingga mereka tamat persekolahan sekolah menengah sebagaimana yang diarahkan dalam Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 13/1998 yang bertarikh 22 Mei 1998.

Bahagian Teknologi Pendidikan (BTP), KPM melancarkan program NILAM dan program ini dijalankan di semua sekolah rendah dan menengah mulai tahun 1999. Matlamat program NILAM adalah untuk membina amalan membaca yang berkekalan

dalam kalangan pelajar. Objektif program NILAM adalah untuk mendorong pelajar menjadi suka membaca dan menggalakkan sekolah menjana idea kreatif dan inovatif untuk menyemai tabiat membaca dalam kalangan pelajar. Program NILAM merupakan program pembacaan pelajar yang berterusan sehingga pelajar mencapai objektif untuk melahirkan golongan '*avid reader*' iaitu pembaca yang bersemangat dan paling banyak membaca seperti yang tertera dalam Laporan Kajian Penilaian Program NILAM 2004 terbitan Bahagian Teknologi Pendidikan, Kementerian Pelajaran Malaysia (2005).

Agenda membaca amat penting terutamanya dalam merealisasikan Wawasan 2020 (Ambigapathy, 1997). Kim dan Paris (2011) menyatakan bahawa membaca ialah salah satu bidang teras yang termasuk dalam antara kemahiran-kemahiran penting dalam abad ke-21. Remaja perlu membina potensi diri ke arah kemajuan dan keharmonian negara dengan mendalami ilmu secara mantap. Justeru, pihak sekolah berperanan untuk memastikan hala tuju yang selaras dengan keperluan negara.

1.2 Latar Belakang

Pelbagai program telah dijalankan di sekolah-sekolah oleh Kementerian Pendidikan Malaysia sejak dahulu. Program NILAM merupakan program daripada penggabungan semua aktiviti galakan membaca dengan memberi pengiktirafan yang sesuai. Terdapat tiga elemen yang terlibat iaitu rekod membaca, pengesahan pembacaan dan pengiktirafan membaca dalam program ini.

Golongan sasaran yang mendapat faedah dalam program NILAM ialah pelajar dari sekolah rendah hingga ke sekolah menengah bawah dan menengah atas. Program ini merupakan aktiviti menyuburkan tabiat membaca dalam kalangan pelajar. Ia termasuklah rancangan memupuk tabiat membaca melalui aktiviti galakan membaca di sekolah. Berdasarkan Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 13/1998, aktiviti-aktiviti membaca secara terancang sepanjang tahun persekolahan adalah merangkumi tiga jenis aktiviti iaitu aktiviti asas, pemupukan dan pengayaan membaca yang dapat membentuk Konsep Kendiri Membaca yang kukuh.

Aktiviti-aktiviti galakan membaca yang terancang dan berterusan diadakan di sekolah bagi merealisasikan Bidang Keberhasilan Utama Negara (*National Key Results Area*) yang ketiga iaitu meluaskan akses kepada pendidikan berkualiti dan berkemampuan. Sekolah-sekolah digalakkan untuk menggabung atau melaksanakan aktiviti membaca mengikut kesesuaian lokasi, saiz dan kemudahan pada peringkat negeri masing-masing. Aktiviti galakan membaca yang menyokong pelaksanaan Program NILAM adalah seperti bercerita, pidato, membaca bersama, bicara buku, meminjam buku, projek pukal, anotasi buku, Kuiz Bestari, Program Membaca Amalan Sihat (MAS) dan kem membaca 1 Malaysia sebagaimana yang terdapat dalam Laporan Kajian Penilaian Program NILAM 2004 terbitan Bahagian Teknologi Pendidikan, Kementerian Pelajaran Malaysia (2005).

Mengikut Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 13/1998 juga, pelajar perlu merekod butir-butir seperti tajuk buku, pengarang, penerbit dan sinopsis buku yang dibaca ke dalam buku rekod masing-masing dalam Program NILAM. Selepas itu, guru menyemak, mengesahkannya lalu menandatangan dalam buku rekod bacaan pelajar. Guru tingkatan atau guru pelaksana mencatat bilangan buku yang dibaca pelajar. Sistem rekod bacaan adalah diselaraskan di semua sekolah supaya Jabatan Pendidikan Negeri mudah menyelia, menilai dan melapor untuk rekod Kementerian Pendidikan.

Mengikut buku Program NILAM: Konsep dan Panduan Pelaksanaan Di Sekolah terbitan Bahagian Teknologi Pendidikan, Kementerian Pelajaran Malaysia (2007), pengiktirafan pembacaan pelajar dalam Program NILAM ditentukan mengikut tahap pencapaian pembacaan pelajar masing-masing. Tahap pencapaian pembacaan pelajar dalam program ini terbahagi kepada dua yakni tahap Jauhari dan tahap Rakan Pembaca (RP). Pada tahap Jauhari, pelajar telah membina kemahiran dan menyemai minat membaca sehingga satu tabiat. Pada tahap RP pula, pelajar telah mencapai tahap boleh membantu peningkatan penyertaan pelajar dan penggunaan bahan dalam gerakan membaca. Prasyarat bagi peringkat RP ialah pelajar telah membaca sebanyak 100 buah buku dan syarat lain ialah pelajar memiliki kepimpinan untuk mempengaruhi dan menarik minat pelajar lain. Misalnya, pelajar membuat pembentangan ulasan ketika perhimpunan sekolah dan pelajar tersebut boleh mendapat markah rakan pembaca dalam aktiviti ini.

Anugerah ganjaran bacaan merupakan salah satu inisiatif Program NILAM untuk menentukan tahap pencapaian pembacaan pelajar. Secara umumnya, tidak banyak penyelidik mengkaji tahap Konsep Kendiri Membaca melalui Program NILAM dalam kalangan pelajar. Justeru, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti Konsep Kendiri Membaca dari aspek sikap membaca, minat membaca dan kepuasan membaca di kalangan pelajar yang mengikuti Program NILAM.

1.3 Pernyataan Masalah

Sesungguhnya, tabiat membaca dalam kalangan rakyat Malaysia khususnya pelajar sekolah menengah masih berada pada tahap pembacaan yang rendah. Perkara ini ada dilaporkan dalam Laporan Kajian Penilaian Program NILAM 2004 terbitan Bahagian Teknologi Pendidikan, Kementerian Pelajaran Malaysia (2005). Bilangan buku yang dibaca oleh pelajar Tingkatan Empat masih berada pada tahap rendah sungguhpun mereka sudah empat tahun berada di sekolah menengah. Terdapat ramai pelajar yang jarang menjadikan aktiviti membaca sebagai satu tabiat dan amalan. Terdapatnya pelajar yang tidak menyedari dan kurang jelas tabiat membaca terhadap dirinya sendiri sedangkan Program NILAM mula diperkenalkan kepada pelajar sejak sekolah rendah.

Selain itu, pelajar-pelajar sudah pun belajar membaca di sekolah rendah dan mereka dianggap telah dapat menguasai kemahiran asas. Apabila mereka melangkah ke sekolah menengah, mereka wajarlah mampu memperkembangkan ilmu sesuatu fakta dan konsep melalui pembacaan luas. Namun, tabiat membaca kurang memberi impak besar untuk mempengaruhi tingkah laku dan pembacaan pelajar. Perkara ini pernah dijelaskan oleh Edward (2008) yang menyatakan bahawa terdapatnya keluhan dan rungutan daripada masyarakat terhadap generasi muda atau pelajar yang mempunyai sikap negatif, tahap membaca yang rendah serta serba kekurangan semangat dan minat dalam membaca.

Faktor-faktor pelajar sekolah menengah kurang membaca daripada dapatan soal selidik yang melibatkan 260 responden adalah pelajar tidak mempunyai masa, membaca membosankan, malas, tidak mampu membeli buku, keletihan serta tidak berminat membaca sejak kecil lagi sebagaimana yang dikaji oleh Bahagian Teknologi Pendidikan dalam buku Program NILAM: Konsep dan Panduan Pelaksanaan Di Sekolah (2007).

Pelajar yang bersikap malas merupakan salah satu faktor mereka tidak melibatkan diri dalam Program NILAM. Pernyataan ini pernah diutarakan dalam Laporan Kajian Penilaian Program NILAM 2004 terbitan Bahagian Teknologi Pendidikan, Kementerian Pelajaran Malaysia (2005). Dapatan laporan tersebut juga menggambarkan bukan semua pelajar terlibat dalam Program NILAM dan pelajar yang lemah menghadapi masalah disiplin dalam menjalankan program ini. Di

samping itu, ada juga pelajar memberi lebih tumpuan dalam peperiksaan dan lebih cenderung kepada buku rujukan peperiksaan sahaja.

Pelajar-pelajar kini kurang berminat membaca dan menyebabkan mereka ketinggalan dalam aspek penambahan ilmu dan pembangunan diri. Perkara ini dijelaskan sama seperti Fauzi dalam Harian Metro (9 Jun 2008). Galakan membaca pelbagai bahan bacaan dapat merangsang minda pelajar dan membantu mereka dalam pembelajaran. Minat dan kecenderungan yang mendalam terhadap tabiat membaca akan menggalakkan pelajar mengamalkan amalan membaca. Melalui beberapa pemerhatian dan pengamatan penyelidik, di mana pelajar menghadapi masalah kesukaran untuk menjawab persoalan dengan mantap tanpa pembacaan luas. Pelajar kurang menunjukkan konsep kendiri untuk membaca yang kukuh dan tidak menjadi tabiat membaca mereka pada masa lapang.

Ibu bapa pelajar yang berstatus pendapatan rendah biasanya tidak mampu meluangkan masa membawa anak pergi ke perpustakaan untuk mendedahkan mereka dengan pelbagai jenis bahan bacaan. Pelajar-pelajar dari keluarga kurang upaya atau berpendapatan rendah biasanya juga kurang mendapat peluang kemudahan membaca. Ini menyebabkan pelajar tercicir dalam membaca seterusnya tidak dapat menguasai keseluruhan proses pembelajaran. Perkara ini pernah dinyatakan dalam hasil kajian yang dilakukan oleh Greaney (1986) dalam perbincangan Ambigopathy (1997). Bidang kajian ini menunjukkan pengaruh institusi ibu bapa mempunyai sumbangan penting dalam memupuk amalan membaca iaitu pembangunan kemahiran dalam membaca dan galakan tabiat membaca pada waktu lapang.

Literatur yang berkaitan dengan membaca merupakan sebahagian daripada kesusasteraan yang lebih berfokus kepada pembangunan kemahiran membaca. Namun begitu, hasrat penyelidik dan juga pendidik bukan sekadar hendak mengkaji kebolehan dan kemahiran membaca malahan juga berharap untuk meningkatkan pembentukan dan pemupukan tabiat membaca. Pernyataan ini pernah diutarakan oleh Edwards (2008). Justeru, terdapatnya jurang antara kebolehan membaca dan tabiat membaca yang perlu dikaji dan diberi perhatian bagi merealisasikan hasrat KPM melalui Program NILAM.

Memandangkan pelajar sekolah menengah merupakan golongan remaja yang berada dalam waktu transisi yang mencabar dan tegang, maka pelajar haruslah dapat mengenal diri dan membangun konsep kendiri membaca yang positif melalui Program NILAM. Melalui kajian ini, pelajar patut menolak tanggapan salah bahawa mereka hanya membaca untuk tujuan peperiksaan sahaja. Amalan membaca dalam kalangan remaja adalah rendah kerana kebolehan dan kemahiran membaca mereka tidak berteraskan minat dan kepuasan membaca. Walaupun Program NILAM telah lama dijalankan, namun konsep kendiri membaca pelajar masih belum dijadikan suatu budaya.

Isu-isu di atas menimbulkan persoalan sejauh mana tahap Konsep Kendiri Membaca dari aspek sikap, minat dan kepuasan membaca pelajar. Selain itu, persoalan sama ada perbezaan individu pelajar dari segi jantina dan latar belakang sosio-ekonomi mempengaruhi tabiat membaca pelajar sekolah menengah dalam Program NILAM di negeri Kedah. Oleh sebab isu-isu ini belum dapat dijawab maka

pengkaji ingin mencari jawapan mengenai konsep kendiri membaca melalui Program NILAM dalam kajian ini.

Dengan ini, maklumat tentang tahap Konsep Kendiri Membaca pelajar yang mengikuti Program NILAM perlu dikenal pasti dan dinilai agar matlamat program NILAM untuk membina tabiat membaca yang berkekalan dalam kalangan masyarakat terutamanya untuk golongan pelajar dapat dicapai. Di samping itu, diharapkan usaha untuk memastikan lebih ramai pelajar mendapat manfaat daripada program ini serta aktiviti-aktiviti yang dianjurkan berada di landasan betul dalam memastikan kualiti dan pencapaian matlamat pada tahun-tahun akan datang. Justeru, pengkaji akan membuat satu pertimbangan baru berkenaan isu-isu tersebut untuk dijadikan kajian.

1.4 Objektif Kajian

Secara umumnya, kajian ini bertujuan mendapatkan satu gambaran tentang Konsep Kendiri Membaca melalui Program NILAM dalam usaha memenuhi aspek-aspek tabiat membaca dan bagaimana pelajar sekolah menengah di daerah Kuala Muda/ Yan dapat memanfaatkan diri daripada program ini.

Secara khususnya, objektif kajian ini ialah untuk mengenal pasti Konsep Kendiri Membaca dari segi sikap, minat dan kepuasan membaca pelajar Tingkatan Empat yang mengikuti Program NILAM. Kajian ini adalah bertujuan untuk memenuhi objektif-objektif berikut:

1. Mengenal pasti status pelaksanaan Program NILAM di sekolah-sekolah kajian.
2. Mengenal pasti status sikap membaca pelajar yang mengikuti Program NILAM.
3. Mengenal pasti tahap minat membaca pelajar yang mengikuti Program NILAM.
4. Mengenal pasti tahap kepuasan membaca pelajar yang mengikuti Program NILAM.
5. Mengenal pasti status Konsep Kendiri Membaca pelajar yang mengikuti Program NILAM.
6. Mengenal pasti Konsep Kendiri Membaca berdasarkan demografi pelajar yang mengikuti Program NILAM.

1.5 Soalan Kajian

Dalam kajian ini, pengkaji mengetengahkan lima soalan seperti berikut:

1. Apakah status pelaksanaan Program NILAM di sekolah-sekolah kajian?
2. Apakah status sikap membaca pelajar yang mengikuti Program NILAM?
3. Apakah tahap minat membaca pelajar yang mengikuti Program NILAM?
4. Apakah tahap kepuasan membaca pelajar yang mengikuti Program NILAM?
5. Apakah status Konsep Kendiri Membaca pelajar yang mengikuti Program NILAM?
6. Adakah terdapat perbezaan Konsep Kendiri Membaca berdasarkan faktor demografi pelajar yang mengikuti Program NILAM?